

25 OCT 2003

Mahathir-lawatan

MALAYSIA MAHU BERBAIK DENGAN SEMUA NEGARA, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

PORT MORESBY, 25 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menamatkan lawatan rasminya yang terakhir ke luar negara sebagai Perdana Menteri dengan menekankan pendirian Malaysia untuk berbaik-baik dengan semua negara, sama ada kecil atau maju.

"Yang kita hendak ialah supaya dapat lebih banyak sahabat dan kita lebih selamat kalau banyak sahabat.

"Hubungan yang rapat amat penting bagi sebuah negara perdagangan seperti Malaysia... kalau kita tak ada hubungan rapat, maka sukar untuk mencari pasaran baru dan juga mendapat bekalan dari negara-negara ini," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian kepada para wartawan Malaysia yang mengiringi beliau dalam lawatan rasminya ke Timor Leste dan Papua New Guinea sejak Rabu. Ini merupakan lawatan terakhir beliau ke luar negara sebagai Perdana Menteri sebelum bersara dalam masa enam hari lagi.

Perdana Menteri yang tiba di sini semalam untuk lawatan dua hari, turut ditanya mengapa beliau memilih kedua-dua negara berkenaan sebagai destinasi terakhir untuk melawat sebelum bersara akhir bulan ini.

Menurutnya, setelah menjadi Perdana Menteri, lawatan pertamanya ke luar negara ialah ke negara-negara kecil Pasifik - Fiji, Tonga dan Samoa.

"Sebab itu saya akhiri dengan cara yang sama dengan membuat lawatan ke negara-negara ini yang lebih berkesan perhubungan mereka dengan kita berbanding daripada negara-negara kaya," katanya.

Lawatan ke Timor Leste, terutamanya, dapat mengingatkan beliau mengenai keadaan di Malaysia sebelum mencapai kemajuan.

"Kita kadang-kadang cepat lupa iaitu apabila kita maju, kita berlagak seolah-oleh kemajuan adalah perkara biasa dan kita lupa tentang kemiskinan dan betapa susahnya bagi kita mengatasi kemiskinan," kata Perdana Menteri.

Bagi Papua New Guinea pula, ini merupakan lawatan ketiga beliau ke negara ini setelah berada di sini pada tahun 1982, iaitu setahun selepas menjadi Perdana Menteri, dan kemudiannya pada tahun 1984 untuk menghadiri Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel.

Menurutnya, lawatan ke kedua-dua negara terakhir ini membolehkan Malaysia mengetahui keadaan sebenar mereka dan memberikan bantuan jika diperlukan.

"Kita terutamanya berasa curiga kerana mereka belum berpengalaman dalam mengadakan perhubungan dengan negara-negara lain dan mungkin tertipu," katanya. Keadaan ini banyak berlaku di negara-negara miskin di mana banyak sumber alam mereka dieksploitasi dengan tidak menerima apa-apa pulangan, katanya.

Ketika ditanya negara mana yang pernah dilawatnya meninggalkan kesan mendalam terhadap beliau, Perdana Menteri berkata ia merupakan sesuatu yang sukar untuk dijawab.

"It's difficult to compare because it's not a question of comparing apple to apple. Ada negara yang kecil, yang miskin, ada yang terlalu kaya," katanya. Beliau berkata negara-negara kecil bagaimanapun lebih 'appreciative' dengan apa yang dilakukan oleh Malaysia untuk menolong mereka.

"Sebab itu negara-negara di Afrika dan Pasifik lebih dekat dengan kita, sebaliknya negara maju tidak memberi penghargaan sangat kepada kita kecuali jika mereka hendak menjual sesuatu seperti senjata," katanya.

Dr Mahathir berkata Jepun bagaimanapun banyak memberi bantuan kepada

Malaysia termasuk pinjaman dengan kadar yang rendah dan pembayaran dalam masa yang lama, ada sehingga 40 tahun.

Ketika ditanya sama ada Malaysia berupaya membantu negara lain, Perdana Menteri berharap Malaysia tidak bersikap sombong disebabkan kemajuan yang dicapai.

"I hope we don't become arrogant kerana kita dah mencapai kemajuan," katanya.

Katanya, Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) umpamanya membolehkan Malaysia menawarkan latihan kepada negara-negara lebih miskin.

"Setakat ini kita dapat menolong negara-negara membangun lain kerana pengalaman kita membangun negara masih baru.

"Sebaliknya negara-negara yang sudah lama maju, mereka sudah lupa masalah yang mereka hadapi. Mereka anggap apa yang mereka capai boleh dicapai oleh sesiapa sahaja dalam sekelip mata," katanya.

Perdana Menteri berkata Malaysia tidak suka bermusuh dengan negara-negara lain termasuk negara maju.

"...tetapi kalau kita dikecam, ditegur oleh mereka, kita berhak untuk mengecam dan menegur mereka kerana merekapun bukanlah 'perfect' sangat, bahkan kadang-kadang lebih buruk daripada kita," katanya.

Dr Mahathir, yang diringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, pulang ke tanahair petang ini.

-- BERNAMA  
AZZ KHY AZH